

Perhimpunan Aman Malaysia 23 Februari

UM

21 JAN 2003

KUALA LUMPUR 20 Jan. — Pergerakan Pemuda UMNO akan mengadakan perhimpunan besar-besaran kumpulan Inisiatif Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) untuk menyampaikan memorandum keamanan Malaysia kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 23 Februari ini.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, perhimpunan tersebut yang akan diadakan di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) bertujuan membantah keganasan terhadap dunia.

Beliau berkata, memorandum yang akan disampaikan kepada Perdana Menteri itu mengandungi dua saranan untuk jangka panjang dan pendek.

“Untuk jangka panjang memorandum itu menyeru supaya peperangan dan penggunaan senjata secara besar-besaran dihentikan.

“Manakala untuk jangka pendek langkah untuk menghentikan keganasan terhadap rakyat Palestin hendak dilakukan serta Amerika Syarikat (AS) tidak menyerang Iraq,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas memengerusikan mesyuarat Exco pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Difahamkan memorandum itu diberikan kepada Dr. Mahathir untuk diserahkan kepada pemimpin-pemimpin dunia yang menghadiri persidangan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) yang diadakan di sini mulai 20 hingga 25 Februari depan.

Hishammuddin berkata, semasa perhimpunan keamanan itu, Pemuda UMNO juga akan membawa 15 kanak-kanak Palestin yang tercedera dan dipindahkan dari Iraq ke negara ini



People's Alliance For Peace Malaysia

Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia

untuk menunjukkan kekejaman rejim Israel.

Beliau menjelaskan, perhimpunan itu adalah untuk meluaskan keprihatinan rakyat

Malaysia sebagai gerakan anti perang sejagat.

“Ini adalah agenda Pemuda UMNO yang dilakukan bagi menyatakan bantahan kita kepada rancangan AS menyerang Iraq yang tidak langsung mepedulikan bantahan dunia,” katanya.

Dalam pada itu Penolong Setiausaha pergerakan itu, Zulkifli Alwi berkata, Aman Malaysia mengambil tanggungjawab membantu kanak-kanak dan wanita Palestin yang sebelum ini dirawat di Iraq kerana negara itu tidak lagi mampu menampung kos rawatan dan memberi perlindungan kepada mangsa-mangsa tersebut setelah negara itu menghadapi ancaman AS.

Menurut beliau, pihak berkuasa Palestin (PA) telah memanjangkan perkara itu supaya Malaysia mengambil inisiatif membantu rakyat Palestin berkenaan.

Di peringkat awal dianggarkan sebanyak 15 orang kanak-kanak dan lima wanita akan dibawa ke Malaysia. Mereka dijangka tiba sama ada pada hujung bulan ini atau awal Februari.

Zulkifli meminta rakyat Malaysia termasuk individu, pertubuhan serta hospital-hospital menjadi penaja untuk membantu kanak-kanak dan wanita Palestin itu yang telah menjadi mangsa kekejaman Israel.